



**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)
PENGEKSPORTAN DURIAN SEJUK BEKU
(*Durio zibethinus*)
KE REPUBLIK RAKYAT NEGARA CHINA**



Disediakan oleh:

Seksyen Kawalan Import & Eksport
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
Jabatan Pertanian
Kuala Lumpur

PRAKATA

Buku Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengeksportan Durian Sejuk Beku ke China diterbitkan oleh Jabatan Pertanian sebagai panduan dan rujukan utama kepada pegawai pemeriksa di Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian, pegawai-pegawai yang terlibat dalam memberikan perkhidmatan pengembangan dan perundingan khasnya di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia serta *stakeholder* Jabatan yang terlibat di dalam industri pemprosesan dan Pengeksportan Durian Sejuk Beku.

KANDUNGAN

	Mukasurat
1.0 Latar Belakang	1
2.0 Objektif	2
3.0 Skop	2
4.0 Syarat- syarat Pengeksportan Durian Sejuk Beku ke China	3
5.0 Peralatan Yang diperlukan di Fasiliti Pemprosesan	4
6.0 Proses Kerja Aktiviti Pemprosesan Durian Sejuk Beku	5
7.0 Pendaftaran Ladang Durian untuk eksport	13
8.0 Pendaftaran Fasiliti Pemprosesan Durian Sejuk Beku	14
9.0 Permohonan Sijil Fitosanitasi	15
10.0 Penutup	16
Lampiran 1 : Carta Alir Proses Pendaftaran Ladang Untuk Eksport	17
Lampiran 2 : Carta Alir Proses Pendaftaran Fasiliti Pemprosesan Durian Sejuk Beku	18
Lampiran 3 : Carta Alir Proses Penghantaran Buah Durian dari Ladang ke Fasiliti Pemprosesan	19
Lampiran 4 : Carta Alir Pemprosesan Durian Sejuk Beku	20
Lampiran 5 : Carta Alir Permohonan Sijil Fitosanitasi	21
Lampiran 6 : Contoh Sijil MyGAP	22
Lampiran 7 : Contoh Sijil Fitosanitasi	23
Lampiran 8 : Contoh Sijil GMP	24
Lampiran 9 : Contoh Sijil Kesihatan	25
Lampiran 10 : Borang Pendaftaran Fasiliti Pemprosesan / Pembungkusan Untuk Eksport	26
Lampiran 11 : Borang Pendaftaran Ladang untuk Eksport	28
PENGHARGAAN	30

1.0 LATAR BELAKANG

Kelulusan laluan pasaran dan protokol pengeksportan bagi durian sejuk beku ke China telah diperolehi dari pihak **General Administration of Quality Supervision, Inspection and Quarantine of the People's Republic of China (AQSIQ)**, pada 23 November 2007. *Artikel 1* dalam protokol ini menyatakan durian sejuk beku adalah merujuk kepada ulas durian (*durian pulp*) yang disejuk beku pada suhu -30°C selama 30 minit serta disimpan dan dihantar pada suhu -18°C .

Pengeksportan durian sejuk beku ke China khususnya dalam bentuk pes mula meningkat mulai tahun 2011. Pada mulanya, durian pes yang dieksport hanya diproses di premis-premis yang telah mendapat akreditasi pihak AQSIQ. Walaubagaimanapun, disebabkan permintaan pasaran yang sangat tinggi maka terdapat pihak yang telah memproses dan mengeksport durian pes dari fasiliti yang tidak berdaftar dengan Jabatan Pertanian serta tidak diakreditasi pihak AQSIQ.

Pihak AQSIQ mendapati sukar membezakan kemasukkan produk durian sejuk beku dan durian pes dari Malaysia kerana deklarasi kastam bagi kedua-dua produk di pintu-pintu masuk China menggunakan kod tariff (HS) yang sama di bawah durian sejuk beku. Produk durian pes dari Malaysia yang disertakan dengan Sijil Fitosanitasi (dari Jabatan Pertanian) dan Sijil Kesihatan (dari Kementerian Kesihatan Malaysia) dibenarkan masuk bersandarkan keadaan semasa produk yang turut dieksport pada suhu -18°C .

Mulai tahun 2014, pihak AQSIQ telah mula menjalankan pemantauan lebih ketat ke atas produk durian pes dari Malaysia dengan mensyaratkan pengambilan sampel untuk analisis mikrob sebelum produk dibenarkan masuk. Manakala, produk durian pes yang dieksport tanpa Sijil Fitosanitasi adalah dilarang masuk ke China.

Menyedari jumlah pengeksportan durian sejuk beku yang semakin tinggi dan permohonan pendaftaran fasiliti pemprosesan adalah semakin meningkat, SOP ini telah disediakan sebagai panduan kepada semua pihak yang terlibat bagi memastikan produk yang dieksport ke China adalah berkualiti premium serta mematuhi semua protokol yang telah ditetapkan.

2.0 OBJEKTIF

Objektif Prosedur Operasi Standard bagi pengeksporan durian sejuk beku ke China adalah seperti berikut :

- i. Sebagai panduan kepada semua pejabat pengeluar Sijil Fitosanitasi untuk digunapakai bagi menjalankan perakuan fitosanitasi untuk pengeksporan durian sejuk beku ke negara China.
- ii. Memberi penerangan yang lengkap dalam keseluruhan proses kerja aktiviti pemprosesan durian sejuk beku sehingga pengeksporan dijalankan.

3.0 SKOP

Prosedur kerja ini merangkumi :

- i. Syarat-syarat pengeksporan durian sejuk beku ke negara China
- ii. Peralatan yang diperlukan
- iii. Proses kerja aktiviti pemprosesan durian sejuk beku
- iv. Pendaftaran ladang untuk eksport
- v. Pendaftaran fasiliti memproses durian sejuk beku
- vi. Pengeluaran Sijil Fitosanitasi

4.0 SYARAT-SYARAT PENGEKSPORTAN DURIAN SEJUK BEKU KE NEGARA CHINA

Jabatan Pertanian telah mengambil langkah-langkah berikut untuk mengawal selia pengeksporan durian sejuk beku ke negara China :

- i. Semua fasiliti yang memproses durian sejuk beku perlu berdaftar dan lulus audit fasiliti dengan Jabatan Pertanian serta telah memperolehi Sijil Amalan Pengilangan Baik (GMP) dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- ii. Semua ladang yang membekalkan buah durian untuk diproses menjadi durian sejuk beku perlu berdaftar dengan Jabatan Pertanian. Ladang-ladang tersebut hendaklah mendapat sijil MYGAP dari Pejabat Pertanian Daerah terdekat atau di Bahagian Kualiti Tanaman , Jabatan Pertanian, Putrajaya)
- iii. Pengeluaran Sijil Fitosanitasi hanya akan dikeluarkan bagi permohonan yang telah memperolehi Sijil Kesihatan dari KKM terlebih dahulu.
- iv. Kebenaran untuk eksport durian sejuk beku hanya setelah mendapat kelulusan pihak AQSIQ

5.0 PERALATAN YANG DIPERLUKAN DI FASILITI PEMROSESAN

- | | | | |
|-------|--|---|--|
| i. | Ruang Penerimaan | - | Bakul, troli, sarung tangan |
| ii. | Ruang Pembersihan | - | Sikat, berus, <i>blower</i> |
| iii. | Ruang Rawatan | - | Air bersih, air berklorin |
| iv. | Ruang Pengeringan | - | Kipas angin, <i>blower</i> |
| v. | Ruang Pembelahan | - | Sarung tangan kain, parang, meja stainless steel, troli empat segi bertingkat, bakul bekas kulit durian, apron, penutup mulut dan kepala |
| vi. | Ruang mengeluarkan ulas & mengasingkan isi | - | Apron, sarung tangan, penutup mulut & kepala, dulang/tray aluminium, mesin pengasingan (<i>spinner</i>) |
| vii. | Ruang Penimbangan | - | Penimbang elektronik |
| viii. | Ruang Pembungkusan | - | Sarung tangan plastik, meja stainless steel, troli empat segi bertingkat, plastik pembungkus dan mesin seal |
| ix. | Ruang Blast Freezer | - | <i>Blast Freezer</i> (suhu -30°C) |
| x. | Ruang Penyimpanan | - | Troli bertingkat, <i>freezer</i> |

6.0 PROSES KERJA AKTIVITI PEMROSESAN DURIAN SEJUK BEKU

Bil.	Aktiviti	Tindakan	Catatan
6.1	Peringkat ladang		<i>Lampiran 3</i>
6.1.1	Mengenalpasti ladang yang berdaftar dengan Jabatan Pertanian	Pemilik fasiliti	
6.1.2	Mendapatkan sumber bekalan durian dari ladang yang berdaftar dengan Jabatan Pertanian sahaja	Pemilik fasiliti	
6.1.3	<p>Spesifikasi umum pemilihan buah</p> <p>v. Durian hendaklah masak/gugur dari pokok</p> <p>vi. Ciri-ciri asas kualiti dalam pematuhan gred;</p> <p><u>Kemasakan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Apabila durian gugur dari tangkai • Gugur secara semulajadi <p><u>Kesegaran</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Buah hendaklah segar sebagaimana buah yang baru gugur • Tangkai tidak kecut, lebam, layu dan kering • Duri yang masih segar dan keras <p><u>Kerosakan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kecederaan yang dapat dikesan dipermukaan kulit atau isi buah akibat serangan makhluk perosak, pengendalian tidak sempurna dan jangkitan penyakit • Isi buah tidak masak seragam (mengkal) • Kulit lebam dan reput • Duri patah dan pecah • Rekahan pada kulit • Buah berkulat • Tidak mempunyai aroma/bau asli durian 	Pembekal buah	

	<p><u>Kecacatan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Cacat rupa (bena/kesan serangga/karat) • Cacat bentuk – buah yang berbeza dari sifat atau bentuk normal bagi klon durian tersebut. Contoh: buah bengkok, leper dan bersegi <p><u>Keseragaman saiz</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Buah hendaklah diasingkan mengikut keseragaman saiz berdasarkan kepada varieti durian. <p>vii. Buah hendaklah dari varieti yang sama</p> <p>viii. Lingkungan berat sebiji buah adalah seperti berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> • D197 (Muosang King): > 1.2 kg • D24 : 1-1.8 kg • Durian kampung : ≥1 kg 		
6.1.4	<p>Penghantaran buah</p> <ol style="list-style-type: none"> Hanya buah yang menepati spesifikasi yang ditetapkan akan dipilih untuk proses seterusnya Buah hendaklah dibersihkan dari kotoran Buah hendaklah dimasukkan dalam bakul plastik dengan teliti dan cermat (bakul buluh tidak dibenarkan sama sekali) Bakul yang berisi buah dimasuk dan disusun kemas ke dalam lori sejuk (<i>cold truck</i>) pada suhu 5-15°C untuk mengekalkan kesegaran buah. Suhu penyimpanan di dalam lori perlu dikekalkan sepanjang tempoh perjalanan Tempoh perjalanan dan penyimpanan buah di dalam lori sejuk hendaklah tidak melebihi 12 jam. 	<p>Pembekal buah</p>	

6.2	Peringkat fasiliti pemprosesan durian sejuk beku		<i>Lampiran 4</i>
6.2.1	Penerimaan buah <ol style="list-style-type: none"> i. Memeriksa kualiti, gred dan kematangan ii. Menimbang berat buah dan mencatat nilai timbangan 	Penyelia fasiliti pemprosesan/ operator	
6.2.2	Pembersihan buah <ol style="list-style-type: none"> i. Membersihkan buah daripada kotoran, habuk dan serangga dengan menggunakan berus yang diperbuat daripada lidi atau plastik atau lain-lain alat yang sesuai (air compressor) ii. Mengasingkan buah yang pecah dan rosak 	Operator fasiliti pemprosesan	
6.2.3	Rawatan buah <ol style="list-style-type: none"> i. Mencilup buah durian ke dalam air bersih kemudian mencelup keseluruhan buah ke dalam larutan pembunuh kuman (clorine) atau ii. Membersihkan buah dengan menggunakan berus kecil atau <i>blower</i> sahaja 	Operator fasiliti pemprosesan	
6.2.4	Pengeringan <ol style="list-style-type: none"> i. Mengetos air menggunakan bakul ii. Pengeringan menggunakan aliran angin yang kuat seperti kipas angin atau blower. 	Operator fasiliti pemprosesan	
6.2.5	Membuka buah <ol style="list-style-type: none"> i. Menggunakan pisau <i>stainless steel</i> atau mesin manual/automatik pembelahan buah. ii. Memotong tangkai buah dengan cermat iii. Membuka buah yang telah dibelah mengikut pangsa buah iv. Ulas yang rosak, cacat serta terlebih masak akan diasingkan kerana tidak sesuai untuk dikomersialkan. v. Jika buah yang dibuka rosak, busuk atau berulat, pisau yang digunakan perlu dibersihkan dan disterilkan semula 	Operator fasiliti pemprosesan	

6.2.6	<p>Mengeluarkan Ulas</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Buah yang telah dibelah akan diasingkan ulas melalui tingkap serahan. ii. Pekerja bahagian belahan tidak dibenarkan menyentuh ulas durian manakala pekerja bahagian penerimaan ulas durian tidak dibenarkan menyentuh kulit durian. iii. Kulit buah durian tidak dibenarkan melepasi zon pengasingan ulas untuk mengelak habuk atau bendasing jatuh pada ulas durian yang telah diasingkan. iv. Peringkat pengasingan merupakan zon kritikal kerana memerlukan kadar kebersihan yang tinggi dengan pekerja hendaklah memakai penutup mulut dan bersarung tangan untuk mengelak ulas durian dari kekotoran dan dijangkiti kuman. 	Operator fasiliti pemprosesan	
6.2.7	<p>Mengasingkan isi (DURIAN PES SAHAJA)</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Ulas durian akan melalui proses pengasingan isi secara manual ataupun menggunakan mesin bagi mendapatkan durian pes. <ul style="list-style-type: none"> a) <u>Mengeluarkan isi durian (secara manual)</u> Mengggunakan tangan serta memakai sarung tangan dan secara ramasan sehingga isi terpisah dari ulas b) <u>Mengeluarkan isi durian (menggunakan mesin)</u> Memasukkan ulas durian ke dalam mesin pengasingan isi (<i>spinner</i>) dalam jumlah 15-20 kg per sesi. 	Operator fasiliti pemprosesan	

6.2.8	<p>Timbangan dan Pembungkusan</p> <p>i. Ulas durian/ durian pes akan ditimbang 2 kg setiap pek atau mengikut permintaan pasaran.</p> <p>ii. Pek durian pes yang telah ditimbang akan diseal dan ditampalkan <i>stiker</i> yang mengandungi maklumat berikut dalam Bahasa Mandarin dan Inggeris; (Maklumat ini juga perlu tertera di kotak pembungkusan)</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Nama produk b) Tempat dan negeri pengeluar c) Negara asal d) Nama dan alamat pengeksport e) Tarikh pembungkusan f) Tarikh produk selamat dimakan g) Berat bersih dan sebagainya 	Operator fasiliti pemprosesan	
6.2.9	<p>Menyusun tray ditroli</p> <p>i. Pek durian diletakkan diatas tray serta disusun di atas troli.</p>	Operator fasiliti pemprosesan	
6.2.10	<p>Penyejukan di blast freezer</p> <p>i. Blast freezer perlu ditetapkan pada suhu -30°C.</p> <p>ii. Troli yang mengandungi tray durian diletakkan ke dalam ruang di <i>blast freezer</i></p> <p>iii. Masa yang diperlukan untuk prose <i>blast freezer</i> ialah selama 2 jam 30 minit hingga 3 jam untuk mengekalkan kualiti dah hayat isi durian.</p>	Operator fasiliti pemprosesan	
6.2.11	<p>Penyimpanan</p> <p>i. Setelah melalui proses <i>blast freezer</i>, stok dipindahkan ke freezer bagi tujuan penyimpanan pada suhu -18°C dan sedia untuk dieksport. Suhu -18°C perlu dikekalkan sepanjang proses pengeksportan dan sehingga konsainan dipasarkan ke negara pengimport.</p>	Operator fasiliti pemprosesan	Membuat permohonan Sijil Kesihatan & (dari KKM) Sijil Fitosanitasi (dari DOA)

6.3	Peringkat penghantaran		
6.3.1	<p>Pemindahan durian sejuk beku ke kontena dan lori sejuk beku</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Memastikan suhu di dalam kontena dan lori sejuk beku berada di antara -18°C hingga -25°C sebelum konsainan dimasukkan ii. Jika suhu telah mencapai diantara -18°C hingga -25°C, konsainan boleh dipindahkan di dalam kontena atau lori sejuk beku iii. Kerja-kerja pemindahan konsainan perlu dilakukan dengan kadar segera supaya tidak menjejaskan kualiti produk iv. Memastikan susun atur produk di dalam kontena/lori sejuk beku disusun dengan sempurna bagi membolehkan pengudaraan sejuk berjalan lancar (air circulation) v. Memastikan kuantiti yang dimasukkan ke dalam kontena atau lori sejuk beku direkodkan. vi. Memastikan dokumen penghantaran (nota hantaran) dikeluarkan dengan mencatat maklumat yang terkandung di dalam nota hantaran kepada pihak penerima/pengeksporth vii. Memastikan pintu kontena atau lori sejuk beku dikunci (seal) sebaik mungkin selepas semua produk dimasukkan. 	Pemandu/ penyelia fasiliti pemprosesan	
6.3.2	<p>Penghantaran durian sejuk beku</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Memastikan suhu kontena dan lori sejuk beku sentiasa berada di antara -18°C hingga -25°C sehingga sampai ke destinasi. 	Pemandu	

6.3.3	<p>Pemindahan durian sejuk beku dari lori sejuk beku ke Pusat penyimpanan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tempat penyimpanan perlu dilengkapi dengan palet plastik ii. Memastikan suhu sejuk di dalam tempat penyimpanan berada di antara -18°C hingga -25°C sebelum konsainan dimasukkan iii. Jika suhu telah mencapai di antara antara -18°C hingga -25°C, konsainan boleh dipindahkan ke tempat penyimpanan iv. Kerja-kerja pemindahan perlu dilakukan dengan segera. Jika pemindahan mengambil masa yang lama, ia akan menjejaskan kualiti produk tersebut. v. Memastikan susun atur produk di dalam tempat penyimpanan disusun dengan sempurna di atas palet bagi membolehkan pengudaraan sejuk berjalan lancar (air circulation) vi. Memastikan kuantiti yang dimasukkan ke dalam tempat penyimpanan direkodkan vii. Memastikan dokumen penghantaran (nota hantaran) diserahkan kepada pihak penerima (pengeksporth) beserta dengan dokumen eksport (Sijil Kesihatan & Sijil Fitosanitasi) 	Pemandu/penyelia tempat penyimpanan	
6.3.4	<p>Penghantaran terus kontena ke negara pengimport</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Memastikan suhu kontena sentiasa berada di antara -18°C hingga -25°C sehingga sampai ke pelabuhan. 	Pengeksporth	

6.3.5	<p>Penghantaran ke negara pengimport</p> <p>i. Memastikan medium penghantaran yang digunakan sepanjang rantai pemasaran sentiasa berada pada suhu -18°C hingga -25°C.</p> <p>RANTAIAN PERGERAKAN PRODUK DURIAN SEJUK BEKU BERMULA DARIPADA PUSAT PEMROSESAN SEHINGGA KE NEGARA PENGGUNA AKHIR YANG MELIBATKAN AKTIVITI PENYIMPANAN, PENGHANTARAN DAN PENGANGKUTAN MESTILAH MENGEKALAN SUHU PADA -18°C HINGGA -25°C.</p>	<p>Pengimport/ pemborong/ peruncit</p>	
-------	---	---	--

7.0 PENDAFTARAN LADANG UNTUK EKSPORT

7.1 Pemohonan bagi pendaftaran ladang hendaklah menggunakan Borang Pendaftaran Ladang Untuk Eksport (Borang LE-vii) (2014) yang boleh dimuat turun melalui laman sesawang Jabatan Pertanian di:-

http://www.doa.gov.my/index/resources/aktiviti_sumber/sumber_awam/muat_turun/borang_pendaftaran_ladang_eksport.pdf

7.2 Permohonan hendaklah disertakan bersama salinan dokumen berikut:

- a) Salinan Kad pengenalan/Sijil Pendaftaran Syarikat
- b) Salinan Geran Tanah
- c) Salinan Sijil MyGAP

7.3 Permohonan lengkap hendaklah dihantar ke :

Urusetia Pendaftaran Ladang/Fasiliti Untuk Eksport
Seksyen Kawalan Import & Eksport
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian
Tingkat 3, Wisma Tani, Jalan Sultan Salahuddin,
50632 Kuala Lumpur

Email : borangeksport@doa.gov.my

7.4 Lawatan pemeriksaan akan dijalankan ke atas setiap ladang yang hendak didaftarkan bagi memastikan ianya mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan termasuk mengamalkan 2 amalan dibawah yang ada dalam pensijilan MyGAP iaitu;

- a) Amalan Pertanian Baik (GAP) dan
- b) Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM);

7.5 Permohonan pendaftaran ladang memproses durian sejuk beku akan diluluskan apabila semua syarat di atas telah dipatuhi.

7.6 Carta alir proses Pendaftaran Ladang adalah seperti di **Lampiran 1**.

8.0 PENDAFTARAN FASILITI MEMPROSES DURIAN SEJUK BEKU

8.1 Pemohonan bagi pendaftaran fasiliti hendaklah menggunakan Borang Pendaftaran Fasiliti Pemprosesan/Pembungkusan Untuk Eksport (Borang FPPE-vii) (2014) yang boleh dimuat turun melalui laman sesawang Jabatan Pertanian di :-

http://www.doa.gov.my/index/resources/aktiviti_sumber/sumber_awam/muat_turun/borang_pendaftaran_fasiliti_eskport.pdf

8.2 Permohonan hendaklah menyertakan salinan dokumen berikut:

- a) Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat
- b) Salinan Sijil GMP dari KKM
- c) Pelan Lantai fasiliti pemprosesan/pembungkusan
- d) Carta alir pemprosesan/pembungkusan

8.3 Permohonan lengkap hendaklah dihantar ke :

Urusetia Pendaftaran Ladang/Fasiliti Untuk Eksport
Seksyen Kawalan Import & Eksport
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian
Tingkat 3, Wisma Tani, Jalan Sultan Salahuddin,
50632 Kuala Lumpur

Email : borangeksport@doa.gov.my

8.4 Pemeriksaan akan dijalankan ke atas setiap fasiliti yang hendak didaftarkan bagi memastikan ianya mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan termasuk;

- a) Mengamalkan Amalan Pengilangan Baik(GMP)
- b) Mestilah dipastikan dalam keadaan bersih mempunyai kemudahan memproses durian sejuk beku yang mencukupi.

8.5 Fasiliti pemprosesan hendaklah mendapat bekalan buah dari ladang durian yang berdaftar dengan Jabatan Pertanian dan mempunyai sijil MyGAP yang sah tempoh.

8.6 Fasiliti pemprosesan juga hendaklah menyimpan dan mengemaskini SOP pemprosesan dan rekod-rekod belian serta rekod-rekod lain yang berkenaan.

8.7 Permohonan pendaftaran fasiliti memproses durian sejuk beku akan diluluskan apabila semua syarat di atas telah dipatuhi.

8.8 Carta alir proses Pendaftaran Fasiliti Memproses Durian Sejuk Beku adalah seperti di **Lampiran 2**.


9.0 PERMOHONAN SIJIL FITOSANITASI

- 9.1 Permohonan hendaklah dibuat melalui atas talian di myphyto.gov.my
- 9.2 Dokumen yang perlu dimuat naik semasa permohonan adalah seperti berikut:
 - i. Sijil Kesihatan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
 - ii. Sijil GMP/HACCP dari Kementerian Kesihatan Malaysia
- 9.3 Sijil Fitosanitasi bagi Pengeksportan Durian Sejuk Beku ke China hanya dikeluarkan bagi durian sejuk beku yang diproses di fasiliti yang telah mendapat Pensijilan GMP/HACCP, berdaftar dengan Jabatan Pertanian dan juga mendapatkan kelulusan pihak AQSIQ China untuk eksport.
- 9.4 Pensijilan GMP/HACCP premis tersebut hendaklah masih dalam tempoh yang sah semasa pemprosesan durian sejuk beku bagi konsainan yang hendak dieksport.
- 9.5 Carta alir proses pengeluaran Sijil Fitosanitasi adalah seperti di **Lampiran 5**.


10.0 PENUTUP

Pengeksportan durian sejuk beku ke China mempunyai pasaran sangat besar dan sentiasa berkembang. Pada masa akan datang diharapkan laluan pasaran durian sejuk beku ini akan diperluaskan lagi kepada bentuk *whole fruits* serta dapat menembusi lebih banyak negara.


**CARTA ALIR PROSES
PENDAFTARAN LADANG UNTUK EKSPORT**




**CARTA ALIR PROSES
PENDAFTARAN FASILITI PEMROSESAN DURIAN SEJUK BEKU**



CARTA ALIR PROSES PENGHANTARAN BUAH DURIAN DARI LADANG KE FASILITI PEMROSESAN



**CARTA ALIR PROSES
PERMOHONAN SIJIL FITOSANITASI
BAGI EKSPORT DURIAN SEJUK BEKU KE CHINA**



Dokumen yang perlu dimuatnaik semasa permohonan:

- i. Sijil Kesihatan dari Kementerian Kesihatan
- ii. Sijil GMP/HACCP bagi premis memproses durian sejuk beku dan Surat Kelulusan Fasilitas Pemrosesan yang diakreditasi oleh DOA dan diluluskan oleh AQSIQ

Semakan oleh Pejabat Pengeluar:

1. Perlu dilakukan bagi memastikan bahawa nama premis pembungkus yang tertera pada Sijil Kesihatan adalah nama premis yang sama seperti yang tertera pada Sijil GMP
2. Semakan silang berkaitan kelulusan premis dibawah Sijil GMP boleh dilakukan di laman web fsq.moh.gov.my

CONTOH SIJIL MyGAP



No. Sijil : myGAP/ 00104
SARJUK NO.

No. Sijil : myGAP 15.0736/C-2189
CERTIFICATE NO.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA
Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry Malaysia

SIJIL myGAP Certificate
MALAYSIA

Dengan ini Memperakui Bahawa
It is Hereby Certifies That

CHUAN HEE ENTERPRISE

PT 26067 BUKIT KLAU, MUKIM DALI 2, RAJAH PAHANG

Keluasan Ladang (Ha)
Hectarage (Ha)

13.40 HEKTAR

Jenis Tanaman
Crop(s)

DURIAN

PT 26067 BUKIT KLAU, MUKIM DALI 2, RAJAH PAHANG

PT 26067 BUKIT KLAU, MUKIM DALI 2, RAJAH PAHANG

Telah Memenuhi Keperluan Malaysia Good Agricultural Practices (myGAP)
Untuk Sektor Tanaman
Have Fulfilled Malaysian Good Agricultural Practices (myGAP) Requirement For Crops

Sijil ini Disahkan Laku Sehingga
This Certificate is Valid Until

31 MEI 2018

Tarikh Ladang Dipersijilkan
Date of Farm Certified

10 MEI 2016



(DATO' AHMAD ZAKARIA BIN MOHAMAD SIDEK)
Ketua Pengarah
Director General
JABATAN PERTANIAN MALAYSIA
Department Of Agriculture Malaysia



CONTOH SIJIL GMP KKM

000341



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

SIJIL GMP
GMP CERTIFICATE
(Good Manufacturing Practice)

Kementerian Kesihatan Malaysia dengan ini mengesahkan bahawa
Ministry of Health Malaysia hereby certifies that

KAMI FOOD SERVICES SDN. BHD.
LOT 8 (PT2750) JALAN SUNGAI TUA
43000 SUNGAI PELEK, SEBERANG PERAK, PERAK
MALAYSIA

Contoh

telah memenuhi syarat-syarat bagi pelaksanaan sistem GMP
untuk produk-produk berikut:
fulfill the terms and conditions for implementation of GMP system
for the following product(s):

1. Frozen Durian Pulp Seed/Fruitlet - Musang King D197;
2. Frozen Durian Pulp Seed/Fruitlet - D24;
3. Frozen Durian Pulp Seed/Fruitlet - Durian Kampung;
4. Frozen Durian Seedless Pulp/ Durian Paste/ Durian Flesh
- Musang King D197;
5. Frozen Durian Seedless Pulp/ Durian Paste/ Durian Flesh- D24; and
6. Frozen Durian Seedless Pulp/ Durian Paste/ Durian Flesh- Durian Kampung.


NORAINI BINTI DATO' MOHD OTHMAN
Pegawai Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan
Senior Director for Food Safety and Quality
Kementerian Kesihatan Malaysia
Ministry of Health Malaysia




Certification No : 78-K35-00496
Issue Date : 27 May 2016
Expiry Date : 26 May 2019



GMP DUPLICATE GMP DUPLICATE GMP DUPLICATE



CONTOH SIJIL KESIHATAN

		FSQD 0167194
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA		MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA
Bil. (03) dlm.PKLMS.09.15.01		
No. Rujukan: Reference No.:		
SIJIL KESIHATAN HEALTH CERTIFICATE (Makanan Am) (General Food)		
Perihal Konsaimen: Description of Consignment:	Frozen Durian D24 Durian Paste	
Kuantiti: Quantity:	4 cartons x 2,116.4 x kgs	
Tanda Perdagangan: Trade Mark:	FOOD WISE	
No. Konsaimen: Consignment No.:	FW0025	
No. Kod dan Siri: Code and Serial No.:	Manufactured : June 2015 Expired Date : Dec 2016	
Pembungkus: Packer:	PUSAT OPERASI FAMA BATU KURAU, Batu 16, Jalan Besar, 34500 Batu Kurau Perak, Malaysia	
Pengeksport: Exporter:	Food Wise Network Sdn Bhd, No.3, Jalan PJU 3/38, Sunway Damansara Technology Park, 47300, Selangor Darul Ehsan, Malaysia	
Pelabuhan Pengeksportan: Port of Shipment:	Penang Port, Malaysia.	
Destinasi: Destination:	Zhuhai Soland International Co. Ltd, Room 301, No. 1154 Jiuzhou Avenue East, Jida District, Zhuhai, China	
Nama Kapal: Name of Vessel:	By sea freight	
Tempat Pensampelan: Sampling Point:	PUSAT OPERASI FAMA BATU KURAU, Batu 16, Jalan Besar, 34500 Batu Kurau Perak, Malaysia	
Dengan ini adalah disahkan bahawa konsaimen di atas telah diperiksa seperti berikut: This is to certify that the above mentioned product has been duly inspected as specified.		
		
Tarikh Keluaran: Date of issue:	9 th JULY 2015	Tandatangan: Signature:  Jawatan: Dr. Norsihmah Bt. Wahid, Designation: Senior Medical Officer of Health, Cop Rasmi: Larut Matang Selama District, Official Stamp: Health Office, 34000 Telipang Perak, Malaysia
Sijil ini adalah sah untuk dari tarikh keluarannya. Pengeluaran sijil ini bukanlah bermaksud bagi pameran atau pengiklanan. 90 days This certificate is valid for from the date of issue. This certificate is not meant for display or use as an advertisement		

BORANG PENDAFTARAN



FPPE-vii (2014)

PENDAFTARAN FASILITI PEMROSESAN/PEMBUNGKUSAN UNTUK EKSPORT
(PROCESSING FACILITY/PACKING HOUSE REGISTRATION FOR EXPORT)
BORANG PERMOHONAN
(APPLICATION FORM)

A JENIS BUAH DIPROSES (FRUIT TYPE)	
1.	<p>Sila tanda (✓) di ruang yang disediakan: Please tick (✓) in the appropriate space given:</p> <p> <input type="checkbox"/> Durian <input type="checkbox"/> Nanas <input type="checkbox"/> Nangka <input type="checkbox"/> Rambutan <i>Durian Pineapple Jackfruit Rambutan</i> </p> <p> <input type="checkbox"/> Lain-lain: Nyatakan: _____ <i>Others: Please specify</i> </p>
B MAKLUMAT PEMOHON (INFORMATION OF APPLICANT)	
1.	Nama Pemohon: <i>Name of Applicant:</i>
2.	No. KP atau No. Pendaftaran Syarikat: <i>IC No. or Company Registration:</i>
3.	Nama Wakil Yang Boleh Dihubungi: <i>Name of the Contact Person</i>
4.	Alamat Surat Menyurat: <i>Correspondence Address</i>
5.	No. Telefon & No. Faks: <i>Telephone No. & Fax No.:</i>
6.	Alamat E-mel: <i>E-mail Address:</i>
C MAKLUMAT FASILITI PEMROSESAN/PEMBUNGKUSAN (DESCRIPTION OF PROCESSING FACILITY/PACKING HOUSE)	
1.	Alamat : <i>Address</i>
2.	Keluasan (Meter Persegi): <i>Area (Square Meter)</i>
3.	<p>Jenis Produk Dihasilkan: <i>Type of Produce:</i></p> <p>Sila Nyatakan Negara Pengimport: <i>State the Importing Country:</i></p>
a.	a.
b.	b.
c.	c.
d.	d.
e.	e.
f.	f.

D PENGESAHAN (COMFORMATION)	
1.	Saya mengesahkan bahawa segala butiran yang dinyatakan di atas adalah benar dan akan menurut segala syarat-syarat yang diperlukan bagi mengeksport komoditi ini. <i>I hereby declare that the information given above are correct and will abide with all rule specified for export this commodities.</i>
2.	Nama: <i>Name:</i>
3.	Tandatangan Pemohon: <i>Signature of Applicant:</i>
4.	Cop Syarikat: <i>Company seal:</i>
5.	Tarikh: <i>Date:</i>
<p>Sila hantarkan borang permohonan yang telah lengkap diisi kepada : <i>Please send the completed application form to :</i></p> <p style="text-align: center;"> Urusetia Pendaftaran Ladang/Fasiliti Untuk Eksport Seksyen Kawalan Import & Eksport Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Jabatan Pertanian Tingkat 1-3, Wisma Tani Jalan Sultan Salahuddin 50632 Kuala Lumpur No.Tel: 03-2030 1400 Faks: 03-2697 7164 </p> <p style="text-align: center;"><u>ATAU</u></p> <p style="text-align: center;">email ke: borangeksport@doa.gov.my</p>	
E UNTUK KEGUNAAN PEJABAT (FOR OFFICIAL USE)	
1.	Tarikh Terima: <i>Date Received:</i>
2.	No. Pendaftaran: <i>Registration Number:</i>
3.	Nama: <i>Name:</i>
4.	Tandatangan Pegawai Bertanggungjawab: <i>Signature of Officer In-Charge:</i>

Sila sertakan dokumen-dokumen berikut bersama dengan permohonan:
Please attached the following documents together with this application

- 1) Salinan sijil pendaftaran syarikat (*Copy of company registration certificate*)
- 2) Salinan Sijil GMP-jika berkenaan (*Copy of GMP Certificate-if applicable*)
- 3) Pelan lantai fasiliti pemprosesan/pembungkusan (*Floor plan of processing/packaging facilities*)
- 4) Carta alir aktiviti pemprosesan/pembungkusan (*Flow chart of processing/packaging activity*)

*****SILA PASTIKAN SEGALA DOKUMEN LENGKAP DAN BETUL
SEBELUM MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN*****

BORANG PENDAFTARAN LADANG UNTUK EKSPORT



LE-vii (2014)

PENDAFTARAN LADANG UNTUK EKSPORT
 (FARM REGISTRATION FOR EXPORT)

BORANG PERMOHONAN
 (APPLICATION FORM)

A JENIS TANAMAN (CROP TYPE)		
1.	Sila tanda (✓) di ruang yang disediakan: <i>Please tick (✓) in the appropriate space given:</i>	<input type="checkbox"/> Durian <input type="checkbox"/> Nanas <input type="checkbox"/> Nangka <input type="checkbox"/> Rambutan <i>Durian Pineapple Jackfruit Rambutan</i> <input type="checkbox"/> Lain-lain: Nyatakan: _____ <i>Others: Please specify</i>
B NEGARA PENGIMPORT: (IMPORTING COUNTRY)		
C MAKLUMAT PEMOHON (INFORMATION OF APPLICANT)		
1.	Nama Pemohon: <i>Name of Applicant:</i>	
2.	No. KP atau No. Pendaftaran Syarikat: <i>IC No. or Company Registration:</i>	
3.	Nama Wakil Yang Boleh Dihubungi: <i>Name of the Contact Person:</i>	
4.	Alamat Surat Menyurat: <i>Correspondence Address:</i>	
5.	No. Telefon & No. Faks: <i>Telephone No. & Fax No.:</i>	
6.	Alamat E-mel : <i>E-mail Address:</i>	
D MAKLUMAT LADANG (DESCRIPTION OF FARM)		
1.	Alamat Kebun : <i>Address of Farm:</i>	
2.	Keluasan (Hektar): <i>Area (Hectarage):</i>	
3.	No. Sijil MyGAP: <i>MyGAP Certificate No.:</i>	
4.	Jenis Tanaman <i>Crop Type</i>	Varieti <i>Variety</i>
a)		Keluasan (Ha/Bil. Pokok/Varieti) <i>Area (Ha/No. of Plant/Variety)</i>
b)		
c)		

E PENGESAHAN (<i>COMFORMATION</i>)	
1.	Saya mengesahkan bahawa segala butiran yang dinyatakan di atas adalah benar dan akan menurut segala syarat-syarat yang diperlukan bagi mengeksport komoditi ini. <i>I hereby declare that the information given above are correct and will abide with all rule specified for export this commodities.</i>
2.	Nama : <i>Name:</i>
3.	Tandatangan Pemohon: <i>Signature of Applicant:</i>
4.	Cop Syarikat: <i>Company stamp:</i>
5.	Tarikh: <i>Date:</i>
<p>Sila hantarkan borang permohonan yang telah lengkap diisi beserta dokumen kepada : <i>Please send the completed application form to:</i></p> <p style="text-align: center;"> Urusetia Pendaftaran Ladang/Fasiliti Untuk Eksport Seksyen Kawalan Import & Eksport Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Jabatan Pertanian Tingkat 1-3, Wisma Tani Jalan Sultan Salahuddin 50632 Kuala Lumpur No.Tel : 03-2030 1400 Faks : 03-2697 7164 </p> <p style="text-align: center;"><u>ATAU</u></p> <p style="text-align: center;">email ke: borangeksport@doa.gov.my</p>	
F UNTUK KEGUNAAN PEJABAT (<i>FOR OFFICIAL USE</i>)	
1.	Tarikh Terima: <i>Date Received:</i>
2.	No. Pendaftaran: <i>Registration Number:</i>
3.	Nama: <i>Name:</i>
4.	Tandatangan Pegawai Bertanggungjawab : <i>Signature of Officer In-Charge</i>

Sila sertakan dokumen-dokumen berikut bersama dengan permohonan:
Please attached the following documents together with this application:

- 1) Salinan kad pengenalan/sijil pendaftaran syarikat (*Copy of identity card/company registration certificate*)
- 2) Salinan geran tanah (*Copy of land grant*)
- 3) Salinan Sijil MyGAP (*Copy of MyGAP Certificate*)
- 4) Laporan analisa makmal bagi residue racun perosak dan logam berat (*Reports of laboratory analysis of pesticides residue and heavy metals*)

*****SILA PASTIKAN SEGALA DOKUMEN LENGKAP DAN BETUL**
SEBELUM MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN***

SEKALUNG PENGHARGAAN

Jabatan Pertanian mengucapkan ribuan terima-kasih kepada pihak-pihak berikut di atas sumbangan dan kerjasama yang diberikan sehingga SOP ini berjaya dihasilkan.

- ❖ Ketua Pengarah Pertanian, Jabatan Pertanian
- ❖ Pengarah Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian
- ❖ Seksyen Kawalan Import Eksport, BBT, Jabatan Pertanian
- ❖ Ketua Pengarah FAMA, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
- ❖ Pengarah Kanan Pasaran Antarabangsa FAMA
- ❖ Ketua Pengarah Kesihatan
- ❖ Pengarah Kanan Program Keselamatan Dan Kualiti Makanan
- ❖ Semua pihak yang terlibat dalam penghasilan SOP ini.